

03 MAR 1997

Nahas-Kebumi

MANGSA NAHAS CESSNA SELAMAT DIKEBUMIKAN

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Jenazah Allahyarham Abdul Razak Mohd Nor, seorang daripada tiga mangsa nahas pesawat Cessna di Langkawi semalam, dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam, Jalan Ampang, di sini pada pukul 11.30 pagi ini.

Jenazah Allahyarham Abdul Razak, 43, yang berkhidmat sebagai jurugambar di Filem Negara lebih 10 tahun lepas, diterbangkan daripada Langkawi bersama-sama seorang lagi mangsa nahas itu, Allahyarham Ishak Latif, 32, dengan penerbangan Mofaz Air.

Jenazah mereka tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah pada pukul 5 pagi tadi.

Adik Allahyarham Abdul Razak, Abdul Ghani, berkata kali terakhir keluarganya menemui Allahyarham ialah pada Hari Raya baru-baru ini sebelum beliau bertolak ke Kota Kinabalu pada 19 Feb lepas untuk membuat liputan lumba basikal Le Tour de Langkawi '97 (LTDL).

"Allahyarham kelihatan riang kerana dapat bersama dengan anggota keluarga yang lain. Semua 11 beradik kami dapat berkumpul bersama pada hari itu tetapi saya hanya berselisih dengannya dalam perjalanan pulang," katanya.

Allahyarham meninggalkan seorang balu dan lima orang anak yang kesemuanya masih menuntut. Anak sulungnya sedang menuntut di Institut Teknologi Mara, Shah Alam.

Abdul Ghani berkata sepanjang bertugas dengan Filem Negara, Allahyarham banyak membuat liputan luar dari kawasan Kuala Lumpur.

Rakan-rakan dan kakitangan Filem Negara telah mulai berkumpul di rumah ibu bapa Allahyarham di Kampung Baru di sini sejak awal pagi ini untuk menziarahi jenazah Allahyarham.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, yang turut ditemui di rumah Allahyarham pagi ini berkata beliau akan berusaha mendapatkan bantuan bagi persekolahan kelima-lima anak Allahyarham.

Sementara itu, jenazah Allahyarham Ishak, 32, yang juga jurugambar Filem Negara tiba di rumahnya di Segambut awal pagi ini.

Jenazah Allahyarham dijangka dikebumikan di Tanah Perkuburan Orang Islam Segambut selepas waktu Zohor hari ini.

Allahyarham Abdul Razak, Allahyarham Ishak dan juruterbang Mofaz Air, Nik Alfian Abdul Ghani, 26, terbunuh apabila pesawat Cessna 172 milik Mofaz Air, yang membuat liputan peringkat akhir perlumbaan LTDL itu, terhempas di kawasan paya bakau, Kelibang, kira-kira lima kilometer dari Kuah, semalam.

Allahyarham Abdul Razak meninggal dunia ketika diterbangkan ke Hospital Langkawi manakala Allahyarham Ishak dan Allahyarham Nik Alfian meninggal dunia di tempat kejadian.

Pesawat itu terhempas kira-kira 15 minit selepas perlumbaan itu dilepaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kira-kira pukul 3.30 petang di hadapan Kompleks Lada, di Langkawi.

-- BERNAMA

AZH NAK